

SOLIDARITI BERSAMA SISTERS IN ISLAM BERKENAAN FATWA PEMIKIRAN LIBERALISME DAN PLURALISME AGAMA

Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (EMPOWER) menzahirkan rasa kekecewaan dan ianya merupakan saat yang getir bagi SIS Forum (Malaysia) dan NGO lain yang memperjuangkan hak-hak wanita & kanak-kanak. Ini berikutan daripada keputusan Mahkamah Tinggi semalam yang menolak permohonan Sisters In Islam (SIS) untuk mencabar keputusan Jawatankuasa Fatwa Selangor yang mengisytiharkan pertubuhan itu sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar.

Hakim Datuk Nordin Hassan memutuskan bahawa isu fatwa berada dalam bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah. Beliau juga menyatakan mengenai perkara undang-undang lain dalam sebutan dan menekankan bahawa fatwa Selangor boleh dipakai kepada SIS Forum (Malaysia) walaupun ia hanya sebuah syarikat. Terdapat pelbagai implikasi daripada sebutan kes tersebut dan ianya bukan sahaja kepada SIS bahkan kepada mana-mana individu, pertubuhan dan institusi, kerana ianya melibatkan hak dalam kebebasan bersatu dan kebebasan bersuara. Keputusan ini membenarkan pemegang saham juga boleh disaman. Apa yang boleh terjadi pada masa hadapan adalah, mana-mana syarikat atau organisasi yang mempunyai seseorang Muslim di dalamnya sebagai pengarah atau lembaga pengarah boleh dikenakan tindakan dibawah undang-undang Syariah.

SIS Forum (Malaysia) adalah sebahagian daripada *Joint Action Group for Gender Equality (JAG)* dan SIS telah membantu lebih 10,000 wanita dan lelaki menerusi perkhidmatan Telenisa - satu *helpline* percuma yang kekal sebagai khidmat nasihat berkenaan hak untuk Undang-undang Keluarga Islam dan Undang-undang Syariah di Malaysia hari ini. Antara isu lain yang diperjuangkan oleh SIS termasuk menamatkan perkahwinan kanak-kanak dan khitan (FGM), mempromosikan kesaksamaan jantina dalam perkahwinan Islam dan Undang-undang Keluarga Islam, dan mengetengahkan isu keganasan ke atas wanita. Kerja-kerja SIS tidak dilihat sebagai sesuatu yang membawa kepada penyelewengan daripada ajaran Islam. Tugas SIS dalam JAG juga telah banyak membantu dalam penggubalan akta-akta yang memperjuangkan nasib wanita & kanak-kanak seperti akta keganasan rumah tangga dan akta jenayah seksual kanak-kanak.

EMPOWER akan terus memberikan sokongan dan mengharapkan keadilan terus disisi SIS Forum (Malaysia) untuk terus membantu memperjuangkan nasib lebih ramai wanita dan kanak-kanak Muslim. Keputusan ini memperlihatkan Malaysia ke arah kemunduran dari memenuhi kebebasan tertentu walaupun negara telah mengecapi 62 tahun kemerdekaan.

#TaqwaOverFatwa #sis4malaysia #sis4women #allforSIS #SISforall #justiceforSIS

28 Ogos 2019